

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

PERINTAH HARIAN

AHAD, 25 RAMADAN 1447H BERSAMAAN 15 MAC 2026M

PH04/01/2026

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL145] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah perancangan dan pelan tindakan dalam mengembangluaskan pelbagai perkhidmatan berkaitan industri maritim di Pelabuhan Muara sehingga dijelmakan sebagai *entrepôt* hub khususnya di rantau BIMP-EAGA?

- 2) **[PL132] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang dikenal pasti sebagai pemudahcara kritikal bagi Pelan Strategik 2026-2030 *Maritime and Port Authority*? Apakah mekanisma pemantauan bagi memastikan deliverables diterjemahkan kepada peningkatan kecekapan operasi, pertumbuhan ekonomi dan penjanaaan peluang pekerjaan?

- 3) **[PL106] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan status perancangan untuk mengukuhkan dan menambahbaik *Civil Service Framework* bagi meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam agar lebih responsif, dinamik, inovatif, berorientasikan-rakyat, mesra pelanggan dan mesra-perniagaan.

-
- 4) **[PL137] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah status pelaksanaan Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam (JTPA) dalam menerajui pembaharuan sektor awam merangkumi agenda tatakelola, pendigitalan, dan ekosistem perniagaan kondusif melalui pensejajaran polisi, demi mencapai kecemerlangan Wawasan Perkhidmatan Abad Ke-21 serta Wawasan Brunei 2035?
- 5) **[PL134] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI II** menyatakan apakah mekanisme dan garis panduan kementerian untuk memaklumkan serta menasihatkan orang ramai, jika sekiranya terjadi musibah kematian rakyat Brunei di luar negara? Apakah usaha dalam membantu atau mempermudah urusan tersebut termasuk kepada ahli keluarga di Brunei?
- 6) **[PL028] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI II** memberikan laporan perkembangan pelaksanaan perjanjian dan kenyataan bersama Brunei–Vietnam termasuk bagaimana ini dilaksanakan dari segi struktur tadbir urus, penglibatan kementerian, sektor swasta dan rakyat serta KPI serta garismasa yang ditetapkan?
- 7) **[PL012] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan kemajuan yang telah dicapai daripada kerjasama ekonomi rentas sempadan antara Brunei Darussalam dengan Sabah dan Sarawak termasuk projek berimpak tinggi, pelaburan sebenar dan mekanisme pemantauan bagi memastikan sumbangan langsung kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan peluang-peluang pekerjaan?
- 8) **[PL078] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah usaha Jabatan Perdana Menteri dalam memastikan inisiatif pendigitalan kerajaan akan dapat menyumbang secara langsung kepada pencapaian sasaran Wawasan Brunei 2035?

-
- 9) **[PL117] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah *currency peg* mata wang Brunei kepada dolar Singapura masih relevan untuk jangka panjang, memandangkan perbezaan dari segi struktur, tahap daya saing dan kekuatan ekonomi?
- 10) **[PL118] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan mekanisme dan dasar yang dilaksanakan untuk mempertahankan nilai mata wang Brunei agar kekal stabil dan kalis inflasi, khususnya berhubung dengan isu harga barangan keperluan seperti makanan yang terus meningkat?
- 11) **[PL135] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha kementerian untuk mengarusperdanakan pekerjaan gig dan kerja sambilan termasuk mempertimbangkan memperkenalkan dasar perlindungan sosial, penyediaan platform digital kebangsaan atau ruang kerja mampu milik.
- 12) **[PL016] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan terkini mengenai memangku jawatan-jawatan strategik yang berpanjangan dan pengambilan semula pesara secara berkontrak? Apa implikasinya terhadap keberkesanan Rancangan Penggantian (*Succession Planning*), pembangunan kapasiti (*capacity building*), institusi, impak kewangan, peluang kenaikan pangkat serta laluan bagi pengambilan pegawai baharu?
- 13) **[PL133] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauhmanakah kementerian memperkembangkan dan memperluaskan pendekatan *State visit* daripada MOU/kerjasama kerajaan-ke-kerajaan kepada model yang lebih inklusif yang melibatkan sektor swasta agar kerjasama antara *business to business* (perniagaan-ke-perniagaan) dan rakyat-ke-rakyat dapat dimanfaatkan?

-
- 14) **[PL027] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah ketersediaan Kementerian untuk membina infrastruktur kepercayaan digital negara, khususnya dalam memastikan keselamatan data yang dikumpul, tadbir urus kecerdasan buatan (AI) dan kebertanggungjawaban algoritma?
- 15) **[PL105] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah indikator prestasi utama (KPI) yang digunakan untuk menilai keberkesanan kesiapsiagaan pandemik kesihatan? Adakah latihan simulasi atau audit berkala dilaksanakan bagi menguji tahap kesiapsiagaan tersebut?
- 16) **[PL001] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Jabatan Perdana Menteri bagi pemusatan (*centralise*) data-data kebangsaan utama untuk kemudahan rujukan berpusat bagi menyokong penguatkuasaan, penggubalan dasar dan pembuatan keputusan?
- 17) **[PL030] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan strategi kebangsaan untuk mewujudkan pengintegrasian data yang bersepadu dan standard yang merentasi kementerian, agensi dan sektor swasta, termasuk bagi memastikan penyelarasan dengan Wawasan Brunei 2035 dan pelan hala tuju Negara?
- 18) **[PL048] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian berkenaan bagi inisiatif kemasyarakatan serta strategi pembinaan negara dalam Wawasan 2035?
- 19) **[PL096] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan pelaksanaan perancangan pembangunan daerah sejajar dengan tujuan dan sasaran?

- 20) **[PL067]** : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauhmana usaha dan kawalan Kementerian dalam membendung jumlah pemilik-pemilik kedai-kedai runcit, *hardware stores*, pemborong dikalangan warga asing yang semakin meningkat?

3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Perbahasan berkenaan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027), 2026

DAN

Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam

4. PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS

- 1) **[PT043]** : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan mekanisme bagi mengkaji semula dan mengemaskini undang-undang komersial secara berkala, dan jika terdapat pasukan penyelarasan yang bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan?
- 2) **[PT046]** : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan agensi-agensi berkepentingan menerapkan, menyebarkan dan menghayati kefahaman prinsip Maqasid Syariah sebagai etika kerja perkhidmatan awam?
- 3) **[PT039]** : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan usaha Kementerian dalam memperkukuhkan penguatkuasaan sistem

pensijilan halal terutamanya penyalahgunaan sijil halal yang boleh menjejaskan imej kesucian agama dan keyakinan masyarakat?

- 4) **[PT049] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah pendekatan khususnya mengguna-pakai *Feature Analysis Model* terhadap program-program sedia ada dalam memantuni cabaran untuk memastikan graduan KUPUSB lebih *marketable* dalam pelbagai bidang pekerjaan, keusahawanan termasuk melahirkan *technopreneur* bagi memenuhi keperluan industri dan selari dengan transformasi *highly skilled* dalam teknologi-digital?
- 5) **[PT051] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan berkenaan garis panduan rasmi kementerian dan langkah penambahbaikan mengenai pemohon SKN ke MUIB, bagi memperjelaskan tanggungjawab serta mengurangkan beban pentadbiran di peringkat kampung?
- 6) **[PT040] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status dana *Patient Charity Aid* bagi pesakit warga emas PR yang menghadapi kesukaran kewangan dan mempunyai penyakit sedia ada. Apakah keberkesanan kaedah pertimbangan klinikal dan penilaian *Medical Social Services* yang seharusnya mengutamakan pesakit (*patient centric*) bagi mencegah kemerosotan penyakit dan rawatan kecemasan?
- 7) **[PT048] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah kaedah memperkesakan tatacara mempromosi kesihatan dan membudayakan cara hidup sihat serta pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit yang trennya semakin meningkat?